**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Lapan organisasi terima Anugerah Kualiti SIRIM | Utusan Malaysia |
| 2. | Gempa Bumi Sederhana Melanda Kawasan Timor, Indonesia | Bernama.com |
| 3. | Nation on full alert for year-end flooding | The Star |
| 4. | Airport hall flooded after downpour | The Star |
| 5. | Flooding at Penang airport | New Straits Times |
| 6. | KFC pushes on with its green agenda | The Star |
| 7. | Produk Kesihatan, kosmetik beracun bernilai RM10,000 dirampas | Bernama.com |
| 8. | DBKL Komited elak pembaziran dalam projek pembangunannya | Bernama.com |
| 9. | Malaysia CyberSecurity Awards | Berita Harian |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)

# Lapan organisasi terima Anugerah Kualiti SIRIM




DR. EWON Ebin (lima dari kiri) bergambar bersama penerima Anugerah Kualiti Sirim dan Jamaliah Kamis (tiga dari kiri) di Hotel Sunway Resort And Spa, Shah Alam baru-baru ini.

SHAH ALAM 19 Nov. - Buat julung-julung kalinya, SIRIM Berhad (SIRIM) telah memberi Anugerah Kualiti SIRIM sebagai pengiktirafan kepada lapan buah organisasi yang telah mencapai tahap pengurusan kualiti dan produk yang cemerlang.

Pengerusinya, Datuk Jamaliah Kamis berkata, kriteria utama penganugerahan itu adalah pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan perlu menepati tahap piawaian (standard) kebangsaan dan antarabangsa.

"Anugerah ini merupakan satu pendekatan positif bagi mendorong dan menggalakkan organisasi dari dalam dan luar negara yang telah mendapat pensijilan SIRIM untuk terus memberikan komitmen kepada penghasilan produk yang menepati keperluan pelanggan dan pengurusan yang cekap.

"Anugerah Kualiti Sirim terbahagi kepada dua bahagian iaitu Anugerah Kualiti Produk (AKP) dan Anugerah Kualiti Organisasi (AKO), masing-masing terbahagi kepada empat kategori berdasarkan kepada nilai jualan tahunan organisasi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jamaliah berkata, bagi AKP kategori satu iaitu syarikat tempatan dengan nilai jualan tahunan melebihi RM100 juta, anugerah telah diberikan kepada pengeluar produk wayar bumi optik, Leader Cable Industry Bhd.

Katanya, bagi AKP kategori dua iaitu syarikat tempatan dengan nilai jualan tahunan antara RM 25 juta sehingga RM 100 juta telah dimenangi oleh Mega Fortris (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi penghasilan kunci keselamatan yang tahan lasak yang membolehkan sebarang bentuk cubaan membuka kunci diketahui pengguna.

"Bagi AKP kategori tiga iaitu syarikat tempatan yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM 25 juta, anugerah diberi kepada Tomher Industrial Sdn. Bhd. bagi produk Paip Kumbahan Berlingkar dan Paip Pembentung.

"Bagi AKP kategori empat atau kategori terbuka, anugerah diberi kepada syarikat R.G.E. Lighting Industries Sdn. Bhd., pengeluar produk USR Model Luminaires yang menampilkan sistem pencahayaan lampu siling bagi kegunaan dalam bangunan yang cekap tenaga serta kawal silau," katanya.

Sementara itu katanya, bagi penerima AKO kategori satu, syarikat dengan nilai jualan tahunan melebihi RM100 juta, anugerah dimenangi oleh Sunway Construction Sdn. Bhd.

Tambah beliau, bagi AKO kategori dua , syarikat dengan nilai jualan tahunan di antara RM25 juta sehingga RM100 juta, anugerah Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd. manakala AKO bagi kategori tiga, syarikat yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM25 juta, anugerah diterima oleh Teckwah Paper Products Sdn. Bhd.

"AKO Kategori empat iaitu bagi agensi kerajaan, anugerah telah diberi kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)," katanya.

Kesemua pemenang Anugerah Kualiti SIRIM telah menerima anugerah daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dalam Majlis SIRIM Industri 2013 yang berlangsung di Sunway Resort Hotel & Spa pada 15 November lalu.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Gempa Bumi Sederhana Melanda Kawasan Timor, Indonesia

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter melanda kawasan Timor, Indonesia pada 5.31 pagi (waktu tempatan) Selasa.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gempa itu ialah 22km timur Kupang, Indonesia dan 1,648km tenggara Sarikei, Sarawak.

Tidak ada ancaman tsunami dikeluarkan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)

# Nation on full alert for year-end flooding

## Malaysia bracing itself for onset of annual storms

By RAZAK AHMAD, ZUHRIN AZAM AHMAD and LOSHANA K SHAGAR
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** While the Philippines and Vietnam are recovering from the devastation of super typhoon Haiyan, Malaysia is bracing itself for the onset of the annual year-end floods and storms.

About 57,000 personnel from the Fire and Rescue Department, Civil Defence Department, police and military have been put on alert while resources that can cater to up to 1.3 million flood evacuees have been set aside throughout the country, said the National Security Council.

"All preparations are being coordinated by the National Disaster and Relief Management Committee and these have been discussed at state level," council secretary Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab said in a statement to *The Star*.

The Meteorological Department has advised five states to prepare for widespread heavy rains during the northeast monsoon, which can cause flooding especially at the river basins.

The five states are Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah and Sarawak. The department said the southern parts of Johor could also be affected.

Thajudeen said that 1,910 lorries, 2,097 four-wheel-drive vehicles, 2,051 boats, 152 jetskis and 26 helicopters have been readied for the floods.

He added that the Health Ministry had set up 1,472 medical teams

**All preparations are being coordinated by the National Disaster and Relief Management Committee and these have been discussed at state level.**

– DATUK MOHAMED THAJUDEEN ABDUL WAHAB

while the Social Welfare Department was preparing to open up to 4,969 evacuation centres that could accommodate 1.3 million people.

"We also welcome any aid from non-governmental organisations such as emergency equipment, food, financial assistance and manpower," Thajudeen said, adding that groups interested in helping out can contact their respective state disaster operation centres.

In a statement, the Meteorological Department said the east coast states of peninsular Malaysia, coastal areas of Sarawak and east coast of Sabah will experience four to five episodes of widespread heavy rains that may continue for three to seven days.

"This can cause floods in the east coast states and the southern region of the peninsula from this month to January.

"Similar conditions will occur in the western and central parts of Sarawak from next month to February, and also the east coast of Sabah in January and February," the department said.

The monsoon in Malaysia began on Nov 1 and is expected to last until the third week of March next year.

The first episode of heavy rains has been forecast for any time now.

"The northern peninsula could see increased rainfall due to moderate winds in the early stages of the monsoon. In contrast, areas like southern and eastern Pahang and southern and eastern Johor may experience rainfall below normal levels this month.

"Rainfall is also expected to increase in areas in Sabah like Kudat, Pantai Barat and Pedalaman this month," the department said.

On whether the recent Typhoon Haiyan would have any impact on the local weather, the department said it was possible that any tropical storm system near Malaysia during this season could affect the weather, especially in coastal areas.

While the monsoon this time round is expected to be normal, each occurrence of heavy rainfall can cause flooding, the department said.

The public can obtain information on the weather and sea conditions and flood warnings via www.met.gov.my, portalbencana.mkn.gov.my/Portal/ or publicinfobanjir.water.gov.my/

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)




**Wet, wet, wet:** Cleaners cleaning the entrance of the arrival hall at the Penang International Airport.

# Airport hall flooded after downpour

By CHRISTOPHER TAN and CRYSTAL CHIAM SHIYING
north@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** The arrival hall of the Penang International Airport was flooded during a downpour that lasted for about half an hour.

The arrival hall, which is located on the lower level of the airport building, was flooded at about 3.30pm yesterday after water started flowing in from the taxi lanes outside.

Passengers and visitors had to walk on the slippery and watery floor of the area.

Airport senior manager Mohd Ariff Jaafar said no flights were affected.

"I was told by the state Meteorological Department that 58.2mm of rainfall was recorded in 20 minutes, which was very unusual compared to the usual rainfall of between 10mm and 15mm," he said yesterday.

Mohd Ariff said airport workers cleared up the mess immediately after the incident happened.

Among other areas that suffered flash floods were Lebuh Nipah in Sungai Nibong and the Free Industrial Zone (Phase One) in Bayan Lepas.

A check on the Malaysia Drainage and Irrigation Department (DID) flood portal showed that the Sungai Ara station in the south-west district of Penang recorded 44mm of rainfall yesterday, which was classified as "heavy".

State Fire and Rescue Department spokesman Mohd Azman Hussin said the department did not receive any emergency calls from the public.

Sensible and Ethical Malaysian United Team (Semut) president Datuk Huan Cheng Guan said the state government should seriously look into the floods in Penang.

He urged local councils to clean up clogged drains more often to prevent floods.

Penang Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation Committee chairman Chow Kon Yeow said the state DID had commissioned a drainage plan for the south-west district, which includes the Penang International Airport.

"The final report will be ready by the end of this month.

"DID will then forward the report to the airport authorities to implement the flood mitigation plan for the airport area," he said.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS): MUKA SURAT 9
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)

# Flooding at Penang airport

**FRUSTRATION:**
Second flood in two months

**PREDEEP NAMBIAR**
GEORGE TOWN
predeep@nst.com.my

THE Penang International Airport in Bayan Lepas was flooded again yesterday, barely two months after one of its lounges suffered a similar fate.

After heavy rain in the afternoon, the driveway outside the arrival hall on the ground floor was inundated ankle-deep in water.

Parts of the arrival hall were not spared when flood water seeped in, leaving many people stranded and unable to get to their vehicles, including airport limousines waiting outside.

Passengers were seen sitting with their legs crossed on chairs as the water was 5cm deep at the arrival hall.

A reader, who alerted the *New Straits Times*, said strong winds coupled with heavy rain swept across the airport at 3.10pm, and the driveway was submerged in a matter of minutes.

Some passengers vented their frustration on Twitter by posting photos of the flood and their predicament.

Senior airport manager Mohd Ariff Jaafar blamed the flash flood on Mother Nature.

He said an unusual rainfall of 58.2mm was recorded during the 20-minute downpour.

"We checked with the state Meteorological Department, which said the usual rainfall was between 10mm and 15mm during this time of the year.

"Fortunately, the rainwater did not reach other parts of the airport and our operations are unaffected."

When asked about the flooded driveway despite the recent completion of a RM250 million drainage system, Ariff said water failed to drain out because of its high volume.

"Due to the heavy volume of water, it took some time to drain it out. Our airport staff are cleaning up the affected areas."

In September, many passengers had to wade in ankle-deep water at the airport.



***Penang International Airport's** arrival hall driveway was flooded after heavy rain yesterday.*

KERATAN AKHBAR
THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)

# KFC pushes on with its green agenda

By S.PUSPADEVI
puspa@thestar.com.my

QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd, the operator of KFC restaurants in Malaysia, aims to achieve more than 8% revenue growth next year.

Managing director Datuk Ahmad Zaki Zahid said the group hopes to hit the target with the opening of 40 new stores and several product launches.

He added that the group made RM3.6bil in revenue last year.

"The group's sales performance was boosted by KFC delivery services. We did relatively well last year and we expect 15% growth next year with the opening of the new stores.

"At present, there are 41 stores that offer KFC delivery services and nine more are scheduled to be opened by the end of this year," Ahmad said after a signing ceremony between KFC (Peninsular Malaysia) Sdn Bhd and Eclimo Sdn Bhd at Wisma KFC in Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Eclimo will be providing the Eclimo ES11 eco-friendly electric scooter for KFC deliveries. The scooter, which runs completely on electricity, has no carbon dioxide or smoke emissions and reduces noise pollution.

"In line with our efforts to conserve energy at every operating stage, we would like to take the lead in the Malaysian Quick Service Restaurant Delivery Sector by using these electric scooters," Ahmad said, adding that KFC currently used 50 Eclimo scooters in its outlets in the Klang Valley and plans were being made to increase the numbers next year.

Meanwhile, Ahmad said KFC's first green restaurant will be built by July next year.

About RM5mil will be invested in the project, which is currently in the design stage. Ahmad said it would continue to expand and offer wider coverage with more stores to be opened in Penang, Johor Baru, Sabah and Sarawak, among others.

The signing ceremony was witnessed by Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) chief executive officer Datuk Nurhalim Yunus.

Eclimo Sdn Bhd is the manufacturer of the first Malaysian made fully electric scooter, which is powered by a direct-drive motor and uses proprietary lithium battery pack technology.

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)**

# Produk Kesihatan, Kosmetik Beracun Bernilai RM10,000 Dirampas

KOTA BAHARU, 19 Nov (Bernama) -- Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan merampas pelbagai jenis produk kesihatan dan kosmetik yang mempunyai racun berjadual dan produk tidak berdaftar, bernilai kira-kira RM10,000, di lima kiosk di sebuah pasar raya di sini.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasa Farmasi jabatan itu, Norma Zakaria berkata rampasan produk kosmetik dan produk kesihatan seperti jamu dan ubat-ubatan itu dilakukan bagi memastikan barangan yang dijual di kiosk berkenaan mematuhi undang-undang yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

"Kami yakin pada musim cuti persekolahan ini ramai yang akan mengunjungi ke pasar raya seperti ini untuk mendapatkan produk kosmetik dan produk kesihatan ini.

"Jadi dengan adanya operasi seperti ini kita dapat melindungi pengguna," katanya kepada pemberita selepas operasi itu, Selasa.

Beliau menasihatkan pengguna produk kosmetik dan produk kesihatan supaya lebih berwaspada ketika memilih produk bagi mengelak kemudaratan.

Katanya, produk yang dirampas akan diserahkan kepada pihak berkuasa kawalan dadah Kementerian Kesihatan untuk siasatan lanjut.

"Bagi produk kosmetik yang dipercayai mengandungi bahan racun berjadual, ia akan diserahkan kepada **Jabatan Kimia** untuk dianalisa," katanya.

Katanya, penjualan produk tidak berdaftar akan disiasat mengikut Peraturan 71A, Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 manakala bagi produk yang mengandungi bahan beracun terlarang akan disiasat mengikut Seksyen 13A Akta Racun 1952.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# DBKL Komited Elak Pembaziran Dalam Projek Pembangunannya

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited untuk mengurangkan pembaziran dalam perlaksanaan projek pembangunannya, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal Talib.

Beliau berkata, untuk itu DBKL bekerjasama dengan beberapa agensi termasuk **Sirim Berhad,** Kumpulan Ikram Sdn Bhd, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Perhutanan.

"DBKL juga menubuhkan 54 pasukan pemantau untuk memastikan kontraktor pembinaan yang dilantik memenuhi syarat yang ditetapkan bagi pembinaan kemudahan lebih tahan lasak dan berkualiti di sekitar ibu kota," katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyampaian Hadiah Hari Inovasi dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat DBKL di sini Selasa.

Katanya, DBKL tidak teragak-agak untuk menyenarai hitam kontraktor yang tidak melakukan kerja dengan betul, sama ada dari segi spefisikasi atau kualiti barangan yang digunakan.

Mengulas mengenai kenaikan kadar cukai pintu oleh DBKL, Ahmad Phesal berkata pihaknya mengambil kira kadar sewaan tahunan bagi menentukan kadar baharu dan kadar kenaikan dibuat berdasarkan beberapa faktor antara keadaan ekonomi dan situasi semasa.

"Mana-mana pihak boleh menyatakan bantahan bertulis kepada DBKL sebelum 17 Dis dan sebarang pertanyaan mengenai cukai pintu boleh hubungi 1800-22-0833," katanya.

DBKL akan memastikan kadar baharu ini tidak membebankan warga Kuala Lumpur kerana kami telah mengenal pasti beberapa mekanisme untuk memastikan kadar baharu ini berpatutan.

Pada majlis tersebut, Kumpulan Bolt dari Jabatan Perlaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan dan Striker dari Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja menggondol Anugerah KIK Datuk Bandar untuk kategori teknikal dan pengurusan.

Pertandingan Hari Inovasi DBKL kali ke-4 ini menerima sebanyak 425 idea penyertaan dengan hanya 75 idea dipertandingkan.

Ahmad Phesal dalam ucapannya sebelum itu menyeru supaya seluruh petugas DBKL terus mengasah minda dan mencari idea inovasi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan DBKl.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B5**
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2013 (RABU)**

CyberSecurity MALAYSIA

MOSTI
Ministry of Science, Technology and Innovation

# MALAYSIA CYBER SECURITY AWARDS

## *Tahniah*

Diucapkan kepada semua penerima anugerah berprestij
Keselamatan Siber Malaysia 2013 yang telah menerima anugerah daripada
Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah,
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

**"SECURING CYBERSPACE FOR ECONOMIC GROWTH"**

Anugerah Profesional Keselamatan Siber
**Dr. Suhazimah binti Dzazali,**
**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**
**Tan Chee Keong, CIMB Group**

Anugerah Syarikat Keselamatan Siber
**SecureMetric Technology Sdn.Bhd.**

Anugerah Organisasi Keselamatan Siber
**Celcom**

Anugerah Penyedia Capaian Keselamatan Siber
**DiGi Telecommunications**
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

Anugerah Penyedia Latihan & Pendidikan Keselamatan Siber
**Asia Pacific University of Technology & Innovation (A.P.U)**
**EC-Council**

Anugerah Projek Keselamatan Siber
**Network Access Control Project by CIMB Group**
**Digital Leakage Prevention Implementation by ASTRO**

Anugerah Duta CyberSAFE
**Mohd. Yusnizam bin Mohamad, SMK Ahmad, Pekan, Pahang**

*Corporate Office:*
CyberSecurity Malaysia, Level 5, Sapura@Mines, No 7, Jalan Tasik, The Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan | Tel: +603 - 8992 6888 | Fax: +603 8992 6841
Email: info@cybersecurity.my | Customer Service Hotline: 1300-88-2999 | www.cybersecurity.my